

KONFRONTASI DAN USAHA MENANGANI

Konfrontasi

1. Pada 20 Januari 1963, **Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia** mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia.
2. Alasannya ialah **mengancam** kedudukan Indonesia.



Keratan akhbar berkaitan dengan konfrontasi

Peristiwa Penentangan

20 Januari 1963

- Indonesia melancarkan dasar **konfrontasi** terhadap Tanah Melayu.
- Dengan konsep "**Ganyang Malaysia**".



16 Januari 1963 – 27 Mac 1963
Tentera Indonesia melancarkan **serangan gerila** di Sarawak.

12 April 1963
Tindakan ketenteraan terawal berlaku apabila pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di **Tebedu, Sarawak**.

Ogos – Disember 1964
Pendaratan gerila di **Johor**.

29 Disember 1963
Berlaku peristiwa tembak-menembak antara tentera Malaysia dengan Indonesia di **Kalabakan, Sabah**.

- 2 September 1964
- Berlaku peristiwa pendaratan seramai 30 orang gerila Indonesia di **Labis, Johor**.
 - Gerila Indonesia yang masuk ke Johor ditahan oleh pasukan tentera Malaysia.

- Dr. Ismail Abdul Rahman membawa isu serangan Indonesia ke **Majlis Keselamatan PBB**.
- Kaedah provokasi tidak mengubah pendirian Malaysia untuk bertindak selain cara **diplomatik**.



Langkah Menamatkan Konfrontasi

1. Malaysia menggunakan pendekatan **diplomatik** untuk menangani konfrontasi.
2. **Kementerian Luar Negeri** yang diketuai oleh Muhammad Ghazali Shafie diberikan tanggungjawab menyusun strategi untuk **mematahkan** kempen propaganda dan mendapatkan **sokongan negara luar**.
3. **Tahun 1963**
 - (a) Usaha menamatkan konfrontasi dilakukan oleh **U. Thant**, Setiausaha Agung PBB. **C.V Narasimhan** dipilih untuk berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Februari 1963.
 - (b) Presiden Macapagal menganjurkan rundingan peringkat pegawai di **Manila** pada 9 April 1963. Malaysia diwakili oleh Muhammad Ghazali Shafie.
 - (c) Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerima undangan Presiden Soekarno untuk **bertemu di Tokyo** pada 1963. Dalam pertemuan itu, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.
 - (d) Tun Abdul Razak Hussein menghadiri mesyuarat peringkat **Menteri Luar di Manila** pada 7 - 11 Jun 1963. Bertujuan untuk mencari **penyelesaian** konfrontasi. Indonesia diwakili **Dr. Subandrio**, Menteri Luar Indonesia.
 - (e) Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menghadiri **mesyuarat** bersama-sama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila pada 31 Julai - 5 Ogos 1963. Hasilnya kerajaan Indonesia dan Filipina menerima pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah.
4. **Tahun 1964**
 - (a) Rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina pada tahun 1964 melibatkan dua persidangan peringkat menteri di Bangkok dan satu sidang kemuncak di Tokyo.
 - (b) Thanat Koman, Menteri Luar Thailand memainkan peranan utama menganjurkan pertemuan dengan Menteri Luar Indonesia.
5. **Tahun 1965**
 - (a) Konfrontasi ditamatkan selepas berlaku peralihan kepimpinan di Indonesia pada 30 September 1965.
 - (b) Jeneral Suharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan Adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi.
6. **Tahun 1966**
 - (a) Pada **4 Ogos 1966**, Indonesia mengumumkan **penamatan** dasar konfrontasi.
 - (b) Pada **11 Ogos 1966**, **Tun Abdul Razak Hussein** menandatangani **Perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia - Malaysia** di Jakarta.

